



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2022



eISSN 2811-3802



9772811380008

MEMANGKIN USAHA SAMA INDUSTRI, ALUMNI & KOMUNITI

ALUMNI TALK SHOW: KERJAYA & KENANGAN

NUR LINA ABDULLAH, ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF,
ASIAH ABDULLAH & NURUL AINI ABDUL WAHAB

Pekerjaan yang selari dengan personaliti, pencapaian pendidikan yang dimiliki dan pulangan yang besar merupakan impian setiap graduan. Bagi graduan yang baru sahaja menamatkan pengajian, mencari kerja dan persaingan adalah senario yang terpaksa mereka hadapi. Maka dengan itu, satu bentuk solusi harus difikirkan bagi membantu para graduan membentuk penyesuaian sendiri dalam perancangan kerjaya harus dilakukan semasa graduan masih bergelar pelajar diinstitusi pengajian.

Sehubungan dengan itu, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, UiTMCNS telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan “Alumni Talk Show: Kerjaya & Kenangan” pada 12 Oktober 2022. Tujuan utama penganjuran program ini adalah sebagai satu platform bagi membincangkan isu semasa yang dihadapi pelajar masa kini dalam menceburi dunia pekerjaan dan sebagai satu sesi perkongsian bersama alumni untuk berkongsi pengalaman berkaitan kerjaya yang diceburi.

ALUMNI TALK SHOW:
Kerjaya & Kenangan

OUR SPEAKERS:

- PM DATIN SRI DR. NAZURA MOHAMED SAYUTI**
PENGARAH ANC ICAN
- MOHAMAD ISKANDAR HISYAM AMZAM**
PEGAWAI METEOROLOGI
JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
- KHAIRUL AZRI MOHAMAD KHALID**
CO-FOUNDER & COO
DISCOVER MUAYTHAI SDN BHD
- NUR ARIF HUSAINI NORWAZA**
FREELANCE SOFTWARE
DEVELOPER & DATA
SCIENTIST


MODERATOR:
AHMAD RASHIDI SUHAIMI

PLATFORM: **Facebook LIVE streaming**
PJIM&A UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

9:00 AM - 12:00 PM
12 OCTOBER 2022

Poster hebahan program


Program ini dijalankan secara atas talian menggunakan platform Facebook LIVE streaming, PJIM&A Cawangan Negeri Sembilan dan Webex. Selain itu, program ini turut dipancarkan secara langsung di dua kampus UiTMCNS iaitu di Smart Classroom, Kampus Kuala Pilah dan Perpustakaan Tun Abdul Razak, PTAR Kampus Seremban.



Panel Jemputan

Seramai tiga orang panel yang merupakan alumni UiTMCNS berpengalaman telah dijemput. Mereka terdiri daripada saudara Mohamad Iskandar Hisyam Amzam yang kini berkhidmat sebagai Pegawai Meteorologi Jabatan Meteorologi, Malaysia, saudara Kahirul Azri Mohamad Khalid merupakan pengasas bagi Co-Founder & Coo, Discover Muaythai Sdn. Bhd. dan saudara Nur Arif Husaini Norwaza, merupakan Freelance Software Developer & Data Scientist. Sesi perkongsian ini telah dikendalikan oleh Ahmad Rashidi Suhaimi, selaku moderator bagi program ini. Program ini turut dihadiri Pengarah ANC ICAN UiTM, Prof. Madya Datin Sri Dr. Nazura Mohamed Sayuti. Program ini telah dihadiri oleh 134 peserta yang terdiri daripada pelajar, staf dan alumni UiTMCNS.

Antara pengisian yang dikongsi dalam program ini adalah bagaimana mereka mencari ruang dan peluang pekerjaan setelah tamat pengajian. Turut dikongsi adalah mengenai manfaat dan kelebihan menjadi alumni UiTMCNS, bentuk sumbangan yang boleh diberikan oleh alumni kepada UiTMCNS dan perasaan mereka setelah bergelar seorang alumni UiTMCS.



Peserta program melalui platform Webex



Peserta yang menyaksikan secara langsung di Smart Classroom, Kampus Kuala Pilah



Peserta yang menyaksikan secara langsung di Perpustakaan Tun Abdul Razak, PTAR Kampus Seremban

Selain daripada itu, pengalaman yang dimiliki oleh saudara Kahirul Azri Mohamad Khalid yang merupakan pengasas kepada Discover Muaythai Sdn. Bhd. telah menarik minat ramai peserta mengenai usaha yang dilakukan beliau dalam membuka ruang pekerjaan sendiri. Matlamat sama turut dikongsi oleh saudara Nur Arif Husaini Norwaza yang menjalankan kerja sendiri sebagai pembangun perisian. Minat dan kemahiran yang dimiliki mereka telah mewujudkan peluang pekerjaan dan pembinaan kerjaya mereka.

Manakala, saudara Mohamad Iskandar Hisyam Amzam, merupakan alumni Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Matematik yang kini bertugas sebagai Pegawai Meteorologi di Jabatan Meteorologi, Malaysia telah berkongsi bagaimana beliau mengaplikasikan ilmu yang beliau pelajari dalam menyelesaikan tugas harian beliau.

Kepelbagaian bidang pekerjaan dan pencapaian alumni dalam program ini telah memberi gambaran dan pendedahan kepada pelajar mengenai isu pengurusan diri dan kerjaya selepas tamat pengajian. Secara keseluruhannya, penglibatan alumni, pelajar dan pengurusan UiTM dalam penganjuran program seperti ini telah merapatkan hubungan ukhawah dikalangan warga UiTMCNS.

Dengan adanya program seperti ini, ia dapat membantu pelajar dalam mengharungi alam pekerjaan di masa hadapan. Program sebegini haruslah diteruskan di masa akan datang agar kepakaran alumni dapat dikongsikan kepada semua pelajar. Dengan kejayaan program ini, diharapkan agar program seperti ini dapat dijadikan sebagai program berkala pada masa hadapan.